

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Kecerdasan temu duga

cess: A practical guide to increasing Job Interviews, Offers, and Salaries.

Penilaian sendiri ini bertujuan menentukan sama ada anda sudah cukup bersedia atau sebaliknya dalam menghadapi temu duga. Penilaian sendiri yang meliputi perancangan sebelum temu duga, semasa temu duga dan selepas temu duga adalah sangat menarik untuk diaplikasikan.

Ini bertujuan menilai darjah kecerdasan anda dalam menghadapi temu duga kerja.

Dengan menggunakan skala di sebelah jawab semua soalan dalam Jadual 1 dengan membulatkan jawapan.

Soalan berkenaan bertujuan menilai persediaan anda dalam menghadapi sesi temu duga kerja.

- 5 sangat setuju
- 4 setuju
- 3 mungkin, tidak pasti
- 2 tidak setuju
- 1 sangat tidak setuju

Pemarkahan

Selepas menjawab semua soalan, jumlahkan nombor yang anda telah bulatkan itu. Jika skor anda adalah antara 80 dan 100, anda kelihatan cukup bersedia untuk ditemu duga.

Jika skor antara 60 dan 79, anda bersedia secara sederhana. Skor 59 dan kurang bermakna anda harus membuat persediaan tambahan sebelum menghadiri temu duga kerja.

Jadual 1 Penilaian sendiri terhadap darjah kecerdasan temu duga anda

1 Perancangan sebelum temu duga Skala					
Saya telah melakukan penyelidikan mengenai latar belakang dan memahami organisasi dan bidangnya	5	4	3	2	1
Saya tahu jenis pekerjaan (tanggungjawab, kemahiran, bagaimana ia berpadanan dengan syarikat)	5	4	3	2	1
Bila ada masa yang bersesuaian, saya meminta rakan dalam rangkaian peribadi (<i>personal networking</i>) untuk memberi maklumat yang positif mengenai saya kepada bakal majikan	5	4	3	2	1
Saya bersedia untuk sebarang bentuk temu duga	5	4	3	2	1
Saya berfikir secara membina (konstruktif) mengenai temu duga yang akan datang, daripada terus berfikiran negatif	5	4	3	2	1
Saya akan berpakaian kemas mengikut kesesuaian syarikat ini dan jawatan yang dipohon	5	4	3	2	1
2 Ketika temu duga					
Saya mampu mengendalikan perbualan kosong yang muncul dalam fasa pembukaan temu duga	5	4	3	2	1
Saya berkomunikasi secara bukan lisan bagi menunjukkan minat dan keterujaan terhadap pekerjaan berkenaan	5	4	3	2	1
Saya bersedia untuk menjawab sebarang soalan yang mungkin akan ditanya bagi menunjukkan bagaimana saya boleh memenuhi keperluan majikan	5	4	3	2	1
Saya memperkukuh semua jawapan saya dengan contoh-contoh yang membantu menjelaskan dan membuktikan apa yang saya katakan	5	4	3	2	1
Saya memberikan jawapan yang ringkas lagi padat terhadap soalan-soalan penemu duga	5	4	3	2	1
Saya mempersembah diri dengan yakin dan semangat	5	4	3	2	1
Saya bersedia untuk memberi maklum balas kepada soalan-soalan di luar konteks temu duga yang mungkin ditanya oleh penemu duga	5	4	3	2	1
Saya tahu bila dan bagaimana untuk berhadapan dengan soalan berkaitan gaji	5	4	3	2	1
Saya telah menyediakan senarai nama perujuk	5	4	3	2	1
Saya bersedia untuk bertanya soalan-soalan mengenai kerja dan organisasi itu	5	4	3	2	1
Saya berlatih untuk bertanya dan menjawab soalan-soalan sehingga saya berasa selesa dan dapat bertutur dengan jelas	5	4	3	2	1
3 Selepas temu duga					
Saya tahu bagaimana untuk menulis surat terima kasih yang berkesan	5	4	3	2	1
Saya bersedia untuk membuat susulan dengan penemu duga bagi menentukan status saya, jika perlu	5	4	3	2	1